

13 DEC 1999

Mahathir-Tsu Koon

TSU KOON JUMPA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 13 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini untuk menyelesaikan masalah berkaitan penubuhan kerajaan baru negeri itu.

Dua minggu selepas pilihan raya umum, Pulau Pinang masih merupakan satu-satunya negeri yang belum mengumumkan barisan anggota Exconya, ekoran perselisihan antara Gerakan yang mengepalai kerajaan negeri dan MCA.

Bagaimanapun Dr Koh keluar daripada pertemuan selama sejam dengan Perdana Menteri itu tanpa menyatakan sama ada isu itu sudah diselesaikan atau sebaliknya.

"Kita akan umumkan pada masa yang sesuai," katanya kepada Bernama sebelum masuk ke dalam keretanya selepas pertemuan itu.

Dr Mahathir telah memberitahu pemberita semalam bahawa "krisis" itu akan diselesaikan segera.

"Bersabarlah, kita akan selesaikan isu ini segera," kata Dr Mahathir semalam.

Wartawan bertanya beliau semalam mengenai pembentukan kerajaan negeri ekoran laporan-laporan tentang kemungkinan MCA menarik diri daripada pentadbiran negeri setelah ia meminta jawatan timbalan ketua menteri dan satu kerusi Exco, berbanding dengan dua kerusi Exco pada masa lepas.

Selepas pertemuan hari ini dengan Perdana Menteri, Dr Koh berkata beliau perlu merujuk kepada banyak orang, termasuk kepimpinan Gerakan, sebelum satu keputusan mengenai perkara itu boleh dibuat.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liok Sik memberitahu pemberita di Pulau Pinang semalam bahawa hubungan parti itu dengan Gerakan adalah tegang.

Dr Ling telah menemui pemimpin MCA negeri yang telah melahirkan "kekecewaan dan dukacita mengenai perkembangan yang berlaku sejak pilihan raya umum."

Ketika ditanya mengenai hasil pertemuannya dengan Dr Mahathir hari ini, Dr Koh hanya berkata: "No comment, no comment."

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Dr Ling hari ini berkata MCA akan membentangkan cadangannya untuk menyelesaikan isu pucuk pimpinan kerajaan negeri Pulau Pinang kepada Barisan Nasional (BN) dalam tempoh beberapa hari ini.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan cadangan itu kepada media hari ini.

"Kami telah mencapai kata sepakat dalam membentuk cadangan itu dan akan menyampaikannya kepada BN dalam masa satu atau dua hari lagi," katanya pada sidang media selepas mengadakan mesyuarat Majlis Presiden MCA tengah hari ini.

Walaupun ditanya berkali-kali, beliau enggan melayan soalan-soalan wakil media yang cuba memujuknya untuk menyatakan cadangan itu.

Dr Ling juga mengumumkan empat anggota baru yang dilantik ke Majlis Presiden MCA hari ini.

Anggota-anggota baru itu adalah Ketua Biro Undang-undang MCA, Leong Tang Chong; Setiausaha Agung Pemuda MCA, Yew Teong Look; anggota Parlimen kawasan Petaling Jaya Utara, Chew Mei Fun; dan anggota Parlimen kawasan Padang Serai, Christine Lim Bee Kau.

-- BERNAMA

ARA ARG NMO